

**KENYATAAN TAWARAN  
SEBUT HARGA**  
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH**  
**JALAN BETEK, SUNGAI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM**

Ruj. Fail : PSTSPT/PENT/200-4/3 Jld. 3(32)  
Tarikh : 30 MEI 2016

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN  
TANPA SENJATA DI**  
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH,  
BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG**  
**UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**KOD SEBUT HARGA : PDTSPT/KP/02/2016**

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut.

**DOKUMEN MEJA**

2. Maklumat sebut harga serta kelayakan asas kontraktor adalah seperti berikut :

| KOD SEBUT HARGA / SPESIFIKASI SEBUT HARGA / KOD BIDANG / STATUS SYARIKAT  | TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK   | PEMBELIAN DOKUMEN   | TARIKH TUTUP DAN TEMPAT HANTAR  |
|---|--|---|---|
| PDTSP/KP/02/2016<br><br>Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah, Jalan Betek, Sungai Rambai, 14000 Bukit Mertajam mulai 1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2018 (2 Tahun).<br><br>Kementerian Kewangan<br>220801<br>(Kawalan Keselamatan)<br>&<br>BUMIPUTERA | Tarikh :<br>6 Jun 2016<br>( Isnin )<br><br>Pendaftaran :<br>9.00 Paggi<br><br>Taklimat / Lawatan Tapak :<br>Dewan Serbaguna,<br>Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah<br><br><b>PERHATIAN :</b><br>Hanya Pemilik / Pengurus Syarikat dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. | Tarikh Jualan :<br>6 Jun 2016<br>( Isnin )<br><br>Mulai Jam :<br>3.00 Petang<br><br>Kaedah :<br>Perolehan secara atas talian melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)<br><br>Kadar :<br>RM10.00<br>(Cetakan dilakukan oleh Pembeli dan bayaran tidak dikembalikan)<br><br>Tempoh Sah Laku :<br>90 hari | Tarikh :<br>13 Jun 2016<br>( Isnin )<br><br>Masa :<br>12.00 Tengahari<br><br>Tempat :<br>Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras Satu, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah |

3. Semasa **Taklimat Sebut Harga**, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut :

- a) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat daripada Kementerian Kewangan / Sijil Virtual yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan;
- b) Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan; dan
- c) Sijil Lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian dari Kementerian Dalam Negeri.

4. Kehadiran di dalam Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak bagi tawaran sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya Penyebut Harga yang menghadiri sesi berkenaan sahaja dibenarkan membeli dokumen tawaran sebut harga melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) dan mengemukakan dokumen tawaran sebut harga. Penyebut Harga dikehendaki membawa bersama **Cap Rasmi Syarikat**.

5. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul Surat yang berlakri serta bertanda dengan kod sebut harga dan tajuk sebut. Dokumen sebut harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di ala-

## **DOKUMEN MEJA**

6. Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan dan semua kos berkaitan dengan tawaran sebut harga di atas adalah menjadi tanggungjawab Penyebut Harga.

7. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Tawaran sebut harga tidak akan dipertimbangkan sekiranya Penyebut Harga :

- a) **LEWAT** mengemukakan tawaran sebut harga;
- b) **GAGAL** mengemukakan **dokumen wajib** seperti yang dinyatakan dalam dokumen dan Borang Sebut Harga; dan
- c) **GAGAL** menghadiri taklimat sebut harga.

9. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

**Pegawai Daerah  
Seberang Perai Tengah  
Bukit Mertajam**